



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **AKTIVITI PENGGAMBARAN DI LUAR STUDIO DIBENARKAN PADA FASA DUA PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Kerajaan telah meluluskan pembukaan semula aktiviti penggambaran filem di luar studio dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketat pada fasa kedua Pelan Pemulihan Negara seperti yang diumumkan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Timbalan Perdana Menteri semalam. Keputusan ini adalah antara usaha-usaha berterusan kerajaan merangsang kelangsungan ekonomi penggiat seni dan industri kreatif melalui daya saing pengeluaran produk dan peluang pekerjaan.

Kelulusan untuk aktiviti penggambaran filem pada fasa dua adalah berpandukan kepada pelaksanaan syarat-syarat yang diperketatkan di bawah Protokol Gelembung Penggambaran (PREP) yang akan dikawal selia oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Inisiatif PREP ini juga adalah kawalan bersepadu aktiviti penggambaran yang bergerak dalam zon gelembung yang terasing, terkawal dan terhad melalui pematuhan syarat-syarat utama di bawah kelulusan Surat Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) FINAS antaranya seperti berikut:

- i. Kategori yang dibenarkan untuk meneruskan penggambaran adalah produksi drama, iklan dan dokumentari sahaja yang terdahulunya telah menanggungkan penggambaran kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di fasa Pelan Pemulihan Negara;
- ii. Aktiviti penggambaran hanya boleh dijalankan di negeri-negeri yang berada di status fasa dua sahaja dan melibatkan lokasi atau premis penggambaran luar studio sahaja (*outdoor*). Produksi boleh menggunakan mana-mana lokasi atau premis dengan syarat ia mempunyai jarak zon penamparan (*buffer zone*) daripada mana-mana kawasan penempatan serta perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa;
- iii. Aktiviti penggambaran dilaksanakan dengan kaedah PREP yang melibatkan jumlah tenaga produksi yang minima serta tidak dibenarkan keluar dari radius zon penggambaran sehingga tamat penggambaran. Untuk tujuan tersebut, setiap produksi mempunyai tempoh bertenang (*cooling period*) yang ditetapkan sebelum dibenarkan untuk sebarang penggambaran baharu; dan

- iv. Penguatkuasaan aspek kawalan risiko dengan kebenaran hanya diberikan kepada tenaga produksi yang telah lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19, menjalani saringan kesihatan sebelum, semasa dan selepas tamat penggambaran serta pelantikan Penyelia Protokol Penggambaran (PPP) oleh pihak produksi yang bertanggungjawab bagi pematuhan semua SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Saya juga menyeru supaya syarikat produksi yang terlibat untuk sentiasa mematuhi semua syarat-syarat yang dinyatakan untuk mengelakkan sebarang implikasi perundangan, keselamatan dan kesihatan khususnya dalam usaha kerajaan memerangi wabak COVID-19 ini. Butiran lanjut mengenai SOP dan garis panduan tersebut boleh didapati menerusi laman sesawang KKMM di [www.kkmm.gov.my](http://www.kkmm.gov.my) dan FINAS di [www.finas.gov.my](http://www.finas.gov.my). Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan FINAS di talian 03-41041300 atau e-mel di [info@finas.my](mailto:info@finas.my).

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**20 JULAI 2021**